

Pilih jawapan yang paling sesuai dan **isi jawapan pada tempat kosong**.

1. Dia tidak menghadiri latihan bola sepak pada petang itu _____ telah dimaklumkan oleh ketua pasukan.

- A sungguhpun
- B selain itu
- C oleh itu
- D namun demikian

2. Sudah satu jam Tini menunggu Siti di perpustakaan, tetapi rakannya itu tidak datang. _____, dia pulang ke rumah.

- A Kalau begitu
- B Akhirnya
- C Lepas itu
- D Di samping itu

3. Abang Irfan membuka sebuah restoran. _____, dia juga berniaga pakaian.

- A Dengan itu
- B Lagipun
- C Lantaran itu
- D Dalam pada itu

4. Kita tidak digalakkan keluar dari rumah seorang diri _____ pada waktu malam.

- A Jadi
- B Lebih-lebih lagi
- C Justeru
- D Biarpun demikian

5. Mula-mula panaskan minyak di dalam kuali. _____, goreng keropok itu sehingga garing.

- A Semenjak itu
- B Kemudian

- C Walaupun begitu
- D Sebelum itu

6. Kami dibawa berjumpa dengan pengurus kilang itu. _____, beliau menunjukkan proses membuat tayar kepada kami.

- A Selanjutnya
- B Selain itu
- C Lebih-lebih lagi
- D Namun begitu

7. Lokman aktif dalam permainan bola sepak. _____, dia telah dipilih sebagai ketua pasukan bolasepak sekolahnya.

- A Mungkin
- B Justeru
- C Walau bagaimanapun
- D Kalau begitu

8. Mereka menjerit meminta tolong daripada jiran-jiran. _____ tiada sesiapa pun yang mendengarnya.

- A Malangnya
- B Tambahan pula
- C Lebih-lebih lagi
- D Dalam pada itu

9. Ashraf menyesal atas perbuatannya yang nakal selama ini. _____, dia berazam hendak mengubah sikapnya.

- A Namun begitu
- B Selanjutnya
- C Kemudian
- D Oleh sebab itu

10. Datuknya meninggal dunia akibat sakit jantung minggu lalu. _____
wajahnya muram sahaja.

A Oleh itu

B Semenjak itu

C Sebaliknya

D Selepas itu